

**PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN BAHASA DI
KALANGAN KANAK-KANAK**

NOOR AZMIRA BT MOHAMED

Disertasi Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Ijazah Sarjana Pengajian
Bahasa Moden

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2001**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510706659

**“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”...**

Untuk ibu tersayang yang terlalu mengharapkan kejayaanku, arwah ayahku yang sentiasa dikenangi, suami tercinta yang tidak jemu-jemu memberikan perhatian, dorongan, semangat untuk aku menyiapkan disertasi ini serta pengorbanan yang tidak ternilai dengan penuh keikhlasan dan kesabaran, juga anak-anakku yang tersayang yang telah menjadi sumber inspirasiku:

NOOR AMIN

NOOR AZAM HAKIMI

NOOR ARIF AFIFI

NOOR AZLIN NATASHA

MOHAMMAD NAZRI HAIQAL

dan tak lupa juga kepada orang-orang gajiku yang banyak berjasa kepadaku.

PENGHARGAAN.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Amat Mengetahui.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaan dan keinginan serta rahmat-Nya dapat saya menyiapkan penulisan disertasi ini sebagai satu syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan kepada Encik Abdul Rahim Mat Yassim, pensyarah Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya, selaku penyelia dalam penyelidikan ini yang tidak jemu-jemu dan telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar, saranan dan panduan yang amat berguna kepada penyelidik semasa menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ajukan kepada bekas penyelia saya Puan Jawahir dan Ustaz Muhd. Mustapha yang telah banyak membantu saya di peringkat awal penyediaan disertasi ini. Terima kasih yang tidak ternilai juga saya tujukan kepada Ustaz Muhamad Abdul Rahman dan Puan Ummu Aimah di atas segala nasihat dan bantuan yang diberikan kepada saya. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah program Sarjana Pengajian Bahasa Moden yang telah banyak mencurahkan ilmu yang berguna dan berharga kepada saya.

Rakaman penghargaan ini juga saya tujukan kepada teman-teman serumah saya iaitu Aidah, Rozia Wati, Norziana dan Idayu yang telah banyak memberikan pertolongan terutamanya Aidah dan Rozia Wati yang banyak menyumbangkan tenaga dalam proses-proses terakhir penyiapan kertas ilmiah ini.

NOOR AZMIRA MOHAMED

Sarjana Pengajian Bahasa Moden,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

2001

Abstrak

Kajian dilakukan untuk melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak yang berusia 2.6 tahun dan 3.7 tahun berdasarkan analisis am, analisis sintaksis dan semantik bahasa Melayu. Kedua-dua sampel merupakan kanak-kanak Melayu yang mempunyai latar belakang bahasa yang sama iaitu dilahirkan dan dibesarkan di Kelantan. Oleh itu bahasa pertama kedua-dua mereka ialah bahasa Melayu dialek Kelantan.

Oleh kerana kedua-dua sampel yang dipilih terdiri daripada kanak-kanak Melayu yang dibesarkan dalam masyarakat Melayu dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam sebarang bentuk perhubungan, maka analisis bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan mereka juga akan dilakukan berdasarkan aspek-aspek yang terkandung dalam bahasa Melayu. Walaupun aspek-aspek yang terkandung dalam bahasa Melayu sebenarnya begitu luas iaitu meliputi aspek-aspek fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik, namun aspek yang dipilih oleh pengkaji dalam melakukan analisis terhadap data 50 ujaran yang dibuat oleh sampel bagi melihat tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan mereka ialah hanya berdasarkan aspek sintaksis, semantik dan analisis am sahaja. Pemilihan aspek sintaksis dan semantik ini adalah kerana ia saling berkait rapat dan berhubungan antara satu sama lain. Walaupun aspek morfologi juga sesuai, namun disebabkan masalah masa yang terhad maka penulis terpaksa mengenepikannya. Aspek

fonologi pula yang melibatkan kajian bunyi bahasa hanya sesuai dilakukan ke atas kanak-kanak yang masih di tahap awal penghasilan bunyi bahasa. Analisis am, walaupun mempunyai beberapa ciri yang remeh tetapi penting dalam menilai tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak. Rakaman dibuat secara langsung dengan menggunakan pita rakaman ke atas ujaran yang diujarkan secara spontan oleh kanak-kanak. Hanya 50 ujaran terbaik sahaja dipilih sebagai data. Analisis dilakukan terhadap data yang telah di transkripsikan dengan menggunakan ukuran-ukuran tertentu iaitu berdasarkan analisis am, sintaksis dan semantik bahasa Melayu, mengikut kesesuaian dengan skop kajian.

Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak yang berusia 2. 6 dan 3. 7 tahun masih belum sempurna sepenuhnya. Walau bagaimanapun kedua-kedua sampel telah mengalami proses pemerolehan dan penguasaan bahasa yang amat menggalakkan. Didapati bahawa Amin telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang berkembang selari dengan peningkatan usianya. Sedangkan Azam yang berusia 2. 6 tahun telah mengalami tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa yang lebih cepat daripada perkembangan usianya. Hal ini demikian kerana Azam banyak dipengaruhi oleh abangnya Amin dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasanya. Situasi ini membuktikan bahawa peranan persekitaran sebenarnya penting dalam membantu mempercepatkan proses pemerolehan dan penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak. Sungguh pun begitu peranan kognitif juga tidak boleh di nafikan.

ISI KANDUNGAN

Halaman

Tajuk	i
Nukilan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	vi
Isi Kandungan	viii
Daftar Jadual	xii

BAB 1 KAJIAN TERHADAP PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN BAHASA DI KALANGAN KANAK-KANAK

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	1
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Bidang dan Batasan Kajian	11
1.5	Kepentingan Kajian	14
1.6	Pendekatan Teori dan Tinjauan Penyelidikan Berkaitan	17
1.6.1	Pendekatan Teori	17
1.6.1.1	Teori Behaviourisme	17
1.6.1.2	Teori Semula Jadi @ Biologis	21
1.6.1.3	Teori Kognitif	22
1.6.2	Tinjauan Penyelidikan Berkaitan	26
1.7	Metodologi	33
1.7.1	Sampel	33
1.7.2	Pendekatan dan Pengkaedahan	36
1.8	Kesimpulan	47

Bab 2 PEMEROLEHAN BAHASA DAN PERINGKAT-PERINGKAT PERKEMBANGANNYA

2.0	Pendahuluan	49
2.1	Definisi Bahasa	49
2.2	Definisi Pemerolehan Bahasa	53
2.2.1	Peringkat-Peringkat Pemerolehan Bahasa	54
2.3	Model Pemerolehan Bahasa Oleh Barbara S. Wood	66
2.3.1	Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Berdasarkan	

	Faktor Intrapersonal Forces	67
2.3.1.1	Peringkat Kemunculan Bahasa	68
2.3.1.2	Tahap Sedia Untuk Bercakap	72
-2.3.1.3	Peringkat Membuat Latihan Bahasa Dan Komunikasi Sepenuhnya	76
2.3.2	Perkembangan Komunikasi Berdasarkan Faktor “Interpersonal Forces”	78
2.3.2.1	Pemerolehan Bahasa Melalui Proses Peniruan	79
2.3.2.2	Perkembangan Interaksi Antara Kanak-Kanak Dan Orang Dewasa	83
2.4	Perkembangan Bahasa Verbal Dalam Proses Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa Di Kalangan Kanak-Kanak	87
2.5	“Perluasan Berlebihan” Dan “Penyempitan Berlebihan”	90
2.5.1	“Perluasan Berlebihan”	90
2.5.2	“Penyempitan Berlebihan”	92
2.6	Kesimpulan	92

BAB 3 ANALISIS AM

3.0	Pendahuluan	94
3.1	Kepentingan Analisis Am	94
3.2	Analisis Data	95
3.2.1	Melihat Keupayaan Kanak-Kanak Membuat Ujaran Yang Sesuai Dengan Konteks	95
3.2.2	Melihat Keupayaan Kanak-Kanak Sampel Dalam Membuat Pertanyaan	97
3.2.3	Melihat Keupayaan Sampel Menggunakan Perkataan Posisi	98
3.2.4	Kekerapan- Jumlah Panjang Ujaran Dalam Kata Bagi Setiap Sampel	102
3.2.5	Purata Panjang Ujaran Dalam Kata (MLR) Kanak-Kanak Sampel	107
3.2.6	Kekerapan Meniru Percakapan Orang Lain Di Kalangan Kanak-Kanak	109
3.2.7	Kekerapan Sampel Mengulang Perkataan Yang Sama	111
3.2.7	Perkadaran Soalan Dan Jawapan Yang Tinggi Di Kalangan Kanak-Kanak	113
3.2.9	Purata Panjang Ujaran Dalam Morfem (Mean Length of Utterance in Morpheme (MLU)) Bagi Setiap Sampel.	115
3.3	Kesimpulan	122

BAB 4 ANALISIS TERHADAP TAHAP PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN BAHASA DI KALANGAN KANAK-KANAK PADA PARAS SINTAKSIS DAN SEMANTIK

4.0	Analisis Paras Sintaksis (Ayat)	126
4.1	Pendahuluan	126
4.2	Definisi Sintaksis	128
4.3	Peringkat-peringkat Pemerolehan (perkembangan) Sintaksis	128
4.4	Ayat	131
4.5	Pemerolehan Pola-Pola Ayat Kanak-Kanak	134
4.5.1	Pemerolehan Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu	136
4.6	Pemerolehan Ayat Tunggal Di Kalangan Kanak-Kanak	142
4.7	Pemerolehan Jenis-Jenis Ayat Bahasa Melayu Di Kalangan Kanak-Kanak	143
4.7.1	Ayat Penyata Atau Ayat Berita	143
4.7.2	Ayat Tanya 4.7.2.1 Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya	144
	4.7.2.2 Ayat Tanya Dengan Kata Tanya	145
4.7.3	Ayat Perintah 4.7.3.1 Ayat Suruhan	148
	4.7.3.2 Ayat Larangan	149
	4.7.3.3 Ayat Silaan	150
	4.7.3.4 Ayat Permintaan	150
4.7.4	Ayat Seruan	151
4.8	Ayat Majmuk Atau Ayat Berlapis	153
4.8.1	Ayat Majmuk Gabungan	155
4.8.2	Ayat Majmuk Pancangan	158
4.8.3	Ayat Majmuk Campuran	161
4.9	Analisis Kesalahan Pembentukan Ayat	164
4.9.1	Ayat Yang Menggunakan Kata Kerja Yang Salah Atau Tidak Sesuai	165
4.9.2	Kesalahan Menggunakan Imbuhan	166
4.9.3	Kesalahan Menggunakan Kata Kerja	169
4.9.4	Kesalahan Membuat Ayat-Ayat Yang Tidak Menggunakan Kata Sendi Nama	171
4.10	Kesimpulan	172
4.1	ANALISIS PEMEROLEHAN SEMANTIK	178
4.1.0	Pendahuluan	178
4.2.1	Definisi Dan Latarbelakang Semantik	179
4.2.2	Teori Semantik 4.2.2.1 Teori Hipotesis Fitur Semantik	181
	4.2.2.2 Teori Hipotesis Hubungan-Hubungan Tatabahasa	183
		185

4.2.2.3 Teori Hipotesis Generalisasi	186
4.2.2.4 Teori Hipotesis Primitif-Primitif Sejagat	187
4.2.3 Analisis Semantik	187
4.2.3.1 Pemerolehan Makna Perkataan Kanak-Kanak	187
4.2.3.2 Analisis Nisbah Jenis Token (NJT)	193
4.2.3.3 Analisis Semantik Berdasarkan Kategori Semantik	199
4.2.3.3.i Pemerolehan Makna Kata Nama	199
4.2.3.3.i.1 Pemerolehan Makna Kata Nama Khas	200
4.2.3.3.i.(b) Pemerolehan Makna Kata Nama Am	204
4.2.3.3.i.(c) Pemerolehan Makna Kata Nama Ganti Nama	206
4.2.3.3.ii Pemerolehan Makna Kata Kerja	209
4.2.3.3.iii Pemerolehan Makna Kata Adjektif	211
4.2.3.3.iv Pemerolehan Makna Kata Golongan Kata Tugas	212
4.2.3.3.v Perkataan Diri Sosial	214
4.2.3.4 Analisis Pemerolehan Makna Rujukan	218
4.2.3.5 Pemerolehan Perkataan Yang Membawa Makna Relational	219
4.2.4 Keadaan “Underextension” dan “Overextension”	220
Di Kalangan Sampel	220
4.2.5 Kesimpulan	223
 BAB 5 RUMUSAN	 231
5.0 Pendahuluan	231
5.1 Rumusan Terhadap Analisis Am	233
5.2 Rumusan Analisis Sintaksis	239
5.3 Rumusan Analisis Semantik	245
5.4 Cadangan Penyelidikan	252
5.5 Kesimpulan	256
 BIBLIOGRAFI	 258
LAMPIRAN	274

DAFTAR JADUAL

Jadual 1	Beberapa Contoh Pertanyaan Yang Dibuat Oleh Sampel	97
Jadual 2	Data Taburan Kekerapan Jumlah Panjang Ujaran Amin	104
Jadual 3	Data Taburan Kekerapan Jumlah Panjang Ujaran Azam	105
Jadual 4	Data Menunjukkan MLR Bagi Setiap Sampel	107
Jadual 5	Data Menunjukkan Pola-pola Ayat Dasar Bahasa Melayu	138
Jadual 6	Data Menunjukkan Contoh-Contoh Ayat tunggal	142
Jadual 7	Data Menunjukkan Contoh-contoh Ayat Penyata	144
Jadual 8	Contoh-contoh Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya	145
Jadual 9	Contoh-contoh Ayat Tanya Dengan Ganti Nama Tanya	146
Jadual 10	Contoh-contoh Ayat Suruhan	149
Jadual 11	Contoh-contoh Ayat Permintaan	158
Jadual 12	Nisbah Jenis Token (NJT)	195
Jadual 13	Makna Rujukan Bagi Perkataan Kapalterbang	218
Jadual 14	Jadual Menunjukkan Contoh Ujaran Yang Memenuhi Konteksnya	218